

Syed Hamid sangkal dakwaan Dr. Mahathir

Kita tidak tawar pasir

Oleh YULPISMAN ASLI

KUALA LUMPUR 29 Jun - Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini mendedahkan isu penjualan pasir dan penggunaan ruang udara negara sebenarnya mula dibangkitkan oleh Singapura dan bukannya Malaysia seperti yang didakwa oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad.

"Kedua-dua isu ini dibangkitkan sebagai 'political quid pro quo' berdasarkan prinsip keseimbangan kepentingan bagi membolehkan Singapura bersetuju dengan cadangan pembinaan jambatan menggantikan Tambak **Johor**," katanya dalam jawapan bertulis pada sidang Dewan Rakyat.

Syed Hamid menjelaskan perkara itu yang dibangkitkan oleh tiga wakil rakyat pembangkang iaitu **Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur)**, **Salahuddin Ayub (Pas-Kubang Kerian)** dan **Abdul Fatah Harun (Pas-Rantau Panjang)**.


Syed Hamid menambah isu ruang udara sebenarnya bukan isu baru dan telah lama dibincangkan dalam konteks rundingan dua hala secara berpakej dari tahun 1998 hingga 2002.

"Tun Dr. Mahathir sendiri telah memasukkan isu itu sebagai salah satu isu untuk pertukaran (*trade-off*) semasa rundingan secara berpakej diadakan antara kedua-dua negara," katanya.

Dalam isu penggunaan ruang udara, beliau berkata, Menteri Kanan Singapura, Goh Chok Tong semasa bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi membincangkan isu-isu tertunggak di Putrajaya, telah mengulangi permintaan Singapura agar Malaysia membenarkan semula penggunaan ruang udara oleh Tentera Udara Singapura.

"Semasa pertemuan itu juga, Goh buat pertama kali membangkitkan isu pasir dan meminta Malaysia membenarkan semula penjualan pasir ke Singapura," jelas Syed Hamid yang menyifatkan kenyataan bekas Perdana Menteri itu sebagai tidak berasas sama sekali.

Dalam soalnya kepada Dewan, Kit Siang bertanya mengapa Malaysia mengambil ini-



ANGGOTApolis melihat keadaan kereta Kancil yang hangus selepas terbabas dan merempuh Wat Buddha di Kilometer 19, Jalan Kota Bharu - Pengkalan Kubor, semalam. Empat orang dalam kereta terbabit rentung. [Berita di muka 4]

Lihat muka 2

Kita tidak tawar pasir

siatif menawarkan bekalan pasir dan penggunaan ruang udara kepada Singapura dalam rundingan antara kedua-dua negara berhubung isu jambatan separuh bengkok dan pampasan yang akan dibayar.

Salahuddin pula mempersoalkan sama ada kerajaan mempunyai sebarang dokumen rasmi yang menjadi bukti bertulis bahawa ia tidak pernah membuat sebarang tawaran.

Beliau turut bertanya sama ada Singapura merupakan pihak yang menuntut penjualan pasir sebanyak 50 juta kaki persegi setahun bagi tempoh 20 tahun serta kebenaran penggunaan ruang udara negara.

Abdul Fatah pula membangkitkan soalan mengenai tindakan kerajaan terhadap Dr. Mahathir yang mendakwa Kabinet berminat menjual pasir kepada Singapura daripada membina jambatan.

Menurut Syed Hamid lagi, semasa rundingan pe-

ringkat pegawai kanan, hanya dua daripada lima hak keistimewaan tersebut dipertimbangkan oleh Malaysia setelah mendapat kelulusan Kementerian Pertahanan iaitu Mencari dan Menyelamat dan Laluan Koridor Utara.

Bagaimanapun, katanya, hak Mencari dan Menyelamat ditawarkan berdasarkan prinsipal timbal balas dan ia adalah selaras dengan amalan antarabangsa.

Hak Laluan Koridor Utara pula, katanya, hanya bagi tujuan laluan transit ke Laut China Selatan dan pesawat Tentera Udara Singapura tidak akan berlegar di ruang udara Malaysia.

Mengenai isu pasir pula, kata Syed Hamid, kerajaan memberi pertimbangan permintaan Singapura setelah mengambil kira Malaysia sebenarnya telah lama menjual pasir ke republik itu di bawah pentadbiran Dr. Mahathir.

Malah, katanya, pasir juga sebenarnya masih tetap

dijual oleh Malaysia kepada Singapura pada masa ini, iaitu pasir silika.

Namun, kata beliau, berbanding penjualan pasir yang dijalankan di bawah pentadbiran Dr. Mahathir dahulu, Malaysia telah mengemukakan syarat-syarat penjualan yang lebih ketat semasa rundingan dengan Singapura di peringkat pegawai-pegawai kanan.

Syarat-syarat itu, jelas beliau, berkaitan aspek-aspek kualiti pasir, lokasi, bayaran royalti, pengeluaran lesen, prosedur Kerajaan Persekutuan dan negeri, peraturan-peraturan untuk melombong pasir, terma-terma dan syarat-syarat berkaitan serta penguatkuasaan efektif bagi memelihara kepentingan negara.

"Walaupun demikian, kerajaan mengambil kira sentimen dan sensitiviti rakyat untuk tidak meneruskan pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor.

"Ini bermakna, Malaysia tidak perlu lagi menimbang-

kan pemberian ruang udara dan pasir seperti yang diminta oleh pihak Singapura berasaskan prinsip keseimbangan kepentingan. Oleh itu, kedua-dua ini tidak sepatutnya dibangkitkan lagi," katanya.

Menurut Syed Hamid lagi, sebagaimana diarahkan oleh Perdana Menteri, kementeriannya akan mengeluarkan penjelasan terperinci ke atas persoalan serta dakwaan yang dibangkitkan oleh Dr. Mahathir mengenai isu jambatan, pasir dan ruang udara.

Bagaimanapun tegasnya, pendedahan tersebut perlu dilakukan secara berhati-hati agar tidak menjejaskan kepentingan negara.

Katanya, kerajaan masih mengkaji secara terperinci bayaran pampasan keseluruhan untuk pembatalan pembinaan jambatan serta pembinaan laluan baru menghubungkan Tambak Johor ke kompleks baru Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ).